

PERANTI MODEN

Membantu Usaha

MELESTARIKAN BAHASA

Oleh **ABDULLAH AWANG**

Bahasa ialah kayu ukur sesuatu bangsa. Bahasa menunjukkan bangsa. Dua ungkapan ini sudah cukup untuk menggambarkan betapa pentingnya bahasa kepada manusia. Setiap manusia di dunia ini mempunyai bahasa pengucapan tersendiri. Mereka memartabatkan bahasa ibunda masing-masing untuk dilihat sebagai bangsa terunggul dan bertamadun. Jika hilang ghaibnya bahasa, maka hilanglah maruah, identiti, dan jati diri sesuatu bangsa. Inilah gambaran awal betapa pentingnya untuk kita melestarikan bahasa pengucapan kita.

Seperti yang kita ketahui bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara Malaysia. Semua rakyat negara ini, tanpa mengira kaum, sepatutnya menyayangi bahasa itu dan sentiasa menggunakannya dalam kehidupan harian. Pada suatu masa dahulu, bahasa Melayu menjadi *lingua franca* yang terkenal di seluruh dunia kerana peranan penting pelabuhan Melaka dalam perdagangan antarabangsa.

Apabila kita membicarakan bahasa dalam konteks dunia moden, perkara yang tidak boleh kita tinggalkan ialah peranan alam maya yang melibatkan internet dan komunitinya. Semua pihak perlu melihat perkara ini secara positif kerana alam maya sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kini. Setiap individu perlu sedar bahawa alam maya menjadi satu daripada langkah yang dapat digunakan untuk melestarikan penggunaan bahasa kebangsaan dan tugas untuk melaksanakannya menjadi kewajipan masing-masing.

Sehubungan dengan itu, apakah yang perlu dilakukan untuk melestarikan penggunaan bahasa yang baik dan betul? Sebagai permulaan, guru menjadi orang di baris

hadapan. Guru boleh menerapkan penggunaan bahasa yang baik dan betul dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan, sebagai contohnya. Dengan hal yang demikian, kesalahan yang berhubung dengan bahasa tidak akan berlaku. Jika berlaku, tidak boleh dipandang mudah.

Pada hakikatnya, proses pengajaran dan pembelajaran penulisan telah mengalami banyak perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. Pada hari ini, keupayaan pemproses perkataan untuk melaksanakan kerja penulisan, baik pada peringkat perancangan, penulisan mahupun penyuntingan, tidak dapat dipertikaikan. Aktiviti penulisan menjadi lebih mudah dengan wujudnya jaringan. Maka kerja untuk mencari maklumat bagi aktiviti penulisan menjadi amat mudah kerana WWW berfungsi sebagai perpustakaan maya yang menyajikan pelbagai jenis maklumat.

Dengan potensi tersebut, makalah ini ditulis untuk melihat tahap kemahiran pelajar dan persepsi mereka terhadap penggunaan komputer dalam pembelajaran bahasa yang turut melibatkan aktiviti penulisan. Universiti Putra Malaysia (UPM) pernah membuat kajian untuk melihat perkara ini yang melibatkan 184 orang pelajar yang mengikuti kursus Pengantar Bahasa. Data dikumpulkan dengan menggunakan set soal selidik.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran untuk menggunakan perisian aplikasi bahasa dalam kalangan pelajar yang tinggi. Persepsi pelajar terhadap penggunaan komputer dalam pembelajaran bahasa juga positif. Pelajar cenderung mendapat maklumat yang masih suka

Sejak hampir dua puluh dekad yang lalu, pengajaran bahasa secara konvensional lebih berpusat pada teori retorik yang kurang memberikan penekanan terhadap perlakuan.

Kini proses pembelajaran bahasa sistematik telah mula digantikan dengan pengajaran bahasa berbantuan maya.

untuk mencari maklumat secara manual di perpustakaan.

Yang telah dinyatakan ialah bahawa proses pengajaran dan pembelajaran mengalami banyak perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. Bermula daripada pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pensel, pen dan mesin taip, kini perisian pemproses perkataan amat popular dan digunakan dengan meluasnya dalam pelbagai kursus. Keupayaan pemproses perkataan untuk melaksanakan kerja berhubung dengan bahasa dan penulisan, sama ada pada peringkat merancang, menulis ataupun menyunting, memang tidak dapat dipertikaikan.

Dengan wujudnya jaringan, kerja untuk mencari maklumat bagi kepentingan bahasa amat mudah kerana WWW berfungsi sebagai perpustakaan maya yang menyajikan pelbagai jenis maklumat. Sejak hampir dua puluh dekad yang lalu, pengajaran bahasa secara konvensional lebih berpusat pada teori retorik yang kurang memberikan penekanan terhadap perlakuan. Kini proses pembelajaran bahasa sistematik telah mula digantikan dengan pengajaran bahasa berbantuan maya.

Yang penulis ini lihat ialah bahawa kajian yang dijalankan juga lebih bertumpu pada dunia

penulisan sebagai proses, iaitu proses merancang, menulis dan menyunting. Dalam kajian yang berkaitan dengan penggunaan maya dalam kalangan pelajar dewasa yang dijalankan oleh Askov dan Means, didapati bahawa responden menunjukkan sikap yang sangat positif terhadap pembelajaran berbantuan maya dan komputer sekarang telah diubahsuai dengan menggunakan peranti yang lebih canggih. Penggunaan perisian pemproses perkataan secara khususnya dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran bahasa melalui penulisan mereka.

UPM, sebagai universiti yang sedang menuju ke arah universiti bertaraf dunia dan telah mendapat status MSC, sememangnya menggalakkan penyiarah dan pelajar untuk menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Satu daripada kursus yang terdapat di UPM ialah Pengantar Penulisan yang ditawarkan oleh Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden dan Fakulti Pendidikan. Pelajar yang mengikuti kursus ini didedahkan kepada teknik penulisan ilmiah, iaitu kemahiran menulis yang amat perlu bagi setiap pelajar institusi pengajian tinggi.


Bagi tujuh minggu pertama semester, pelajar diberi

Education - Educational IT

pg : 12 - 18

Control No : 0000275469

File Name : MA/education/2018/EDU2018A07.pdf



Penggunaan komputer dapat membantu usaha untuk melestarikan penggunaan bahasa.

pendedahan yang berkaitan dengan teori dan proses penulisan. Pada masa ini, pelajar mula merancang tugas masing-masing dan menjalankan kerja untuk mencari bahan bagi tugas mereka. Bagi tujuh minggu terakhir semester pula, barulah mereka memulakan aktiviti penulisan tugas. Pada peringkat ini, pelajar menggunakan pemproses perkataan untuk menghasilkan tugas mereka.

Pelajar universiti merupakan kumpulan manusia yang perlu menghasilkan berbagai-bagai bentuk penulisan, khususnya penulisan tugas yang ditentukan oleh pensyarah. Pelajar UPM tidak terkecuali daripada situasi sebegini. Dalam jangka masa yang terhad, mereka perlu menyiapkan setiap tugas yang diberikan oleh setiap pensyarah. Pada hari ini, sekiranya pelajar menggunakan

teknologi komputer, khususnya perisian pemprosesan perkataan dan pencarian maklumat, sudah tentu kerja penulisan mereka dapat disiapkan dengan cekapnya dan pantas.

Dengan itu, diperlukan kajian untuk melihat tahap kemahiran serta penggunaan komputer dalam kalangan pelajar yang berkaitan dengan pemproses perkataan dan internet. Di samping itu, perlu juga dilihat penggunaan komputer, komputer riba, telefon bimbit, peranti, dan alat komunikasi yang lain dalam proses penghasilan pembelajaran bahasa pelajar, sebagai contohnya, dari peringkat penulisan sehingga penyuntingan. Maklum balas yang diberikan sudah tentu dapat digunakan oleh pensyarah untuk menilai kaedah serta kandungan pengajaran mereka semula agar dapat membantu pelajar untuk memilih

serta menggunakan perisian yang sesuai dengan aktiviti penulisan.

Memang tidak dinafikan bahawa bahasa berkaitan rapat dengan aktiviti penulisan. Oleh itu, bahasa dalam penulisan hendaklah bersifat baku. Penulisan merupakan aktiviti yang melibatkan pemikiran dan perasaan. Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan mengaitkan proses menulis dengan proses berfikir, iaitu proses untuk memaparkan idea yang ada dalam fikiran menjadi bentuk kata yang tercatat, sama ada di atas kertas ataupun di skrin komputer. Bagi alaf kini, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa dan penulisan mengalami banyak perubahan seiring dengan perkembangan teknologi. Penulisan yang menggunakan pensel, pen, dan mesin taip kini semakin beralih kepada penulisan yang menggunakan perisian pemproses perkataan dengan meluasnya.

Keupayaan pemproses perkataan untuk melaksanakan kerja penulisan tidak perlu dipertikaikan lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana pemproses perkataan mempunyai pelbagai kelebihan. Hal ini dikatakan demikian kerana pemproses perkataan dapat dibuat berkali-kali dengan mudahnya. Pemproses perkataan juga dapat menyimpan dan memadamkan nota dengan segeranya, mengubah nota menjadi draf dengan hanya menekan beberapa kekunci, serta membolehkan kita untuk mengubah ayat atau perenggan, seperti yang dikehendaki. Di samping itu, kesalahan ejaan juga dapat disemak dengan cepatnya.

Kajian Hansman dan Wilson pada tahun 1998 mendapati bahawa alat komunikasi moden,

termasuk komputer, merupakan alat yang membolehkan bukan sahaja pelajar, tetapi semua orang untuk menguasai proses penulisan dengan lebih mudah berbanding dengan kertas dan pen. Walaupun pada peringkat permulaan komputer berfungsi sebagai mesin taip untuk menaip draf akhir sahaja, lama-kelamaan komputer menggantikan pen dan kertas sebagai alat untuk menulis. Penggunaan komputer juga dapat menjimatkan masa kerana pengguna tidak perlu menaip keseluruhan esei semula jika terdapat kesalahan. Oleh itu, mereka lebih bersedia untuk menyemak hasil kerja dan membuat perubahan kerana tidak melibatkan kerja yang banyak.

Kajian Erickson pada tahun 1992 turut mendapati bahawa pemproses perkataan dapat mengurangkan beban untuk menyemak dan menyunting penulisan dan hal ini dapat menggalakkan pelajar untuk menyelesaikan tahap penulisan. Mereka boleh menambah, memadamkan, dan mengubah kedudukan perkataan, frasa, ayat, malah perenggan tanpa perlu menaip keseluruhan esei semula. Dapatan tersebut dikukuhkan lagi dengan kajian Papert pada tahun 1980 yang menunjukkan bahawa pelajar berubah daripada malas menulis kepada suka menulis hanya dalam beberapa minggu setelah mereka menggunakan pemproses perkataan.

Dengan itu, jelas sekali bahawa kemampuan peralatan terkini dapat melestarikan penggunaan bahasa dalam kehidupan harian. Peralatan terkini bertindak sebagai alat untuk menulis yang dapat membantu usaha untuk mewujudkan suasana kerjasama, sama ada dalam kegiatan penulisan ataupun pelajaran teknologi. Pemproses

perkataan dapat membantu pelajar untuk menilai hasil kerja mereka sendiri kerana tugas tersebut dalam bentuk yang mudah untuk dibaca. Di samping itu, pemproses perkataan juga boleh menggalakkan penyuntingan oleh rakan sebaya. Pelajar mahu berkongsi tugas mereka dengan rakan sebaya kerana tulisan mereka mudah untuk dibaca dan nampak lebih profesional.

Pelajar didapati lebih senang untuk mengikuti pengajaran melalui internet. Mereka bersetuju bahawa pengajaran berbantuan multimedia membantu mereka dalam aktiviti penulisan. Satu kajian peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa lebih separuh daripada mereka – 53 peratus – menyatakan keseronokan menulis dan berbahasa melalui alatan komunikasi moden. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran berbantuan multimedia sangat berkesan dan dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Di samping itu, mereka juga menunjukkan sikap yang positif terhadap penulisan bahasa dan sentiasa melestarikannya.

Selain digunakan untuk menulis, komputer juga amat berguna dalam pencarian maklumat atau bahan. Orang ramai – manusia moden dalam kehidupan generasi Y dapat menggunakan komputer untuk memanfaatkan perpustakaan dalam talian. Mereka juga dapat mencari artikel dalam jurnal tertentu melalui pangkalan data perpustakaan dalam talian. Menurut Caverly, hal ini dapat menjimatkan masa kerana mereka tidak perlu lagi ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Selain pelajar, guru juga menggunakan komputer, khususnya internet, bagi mencari bahan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Daripada kajian yang dijalankan, dapatlah dibuat

kesimpulan bahawa daya tarikan utama pelajar terhadap penggunaan komputer ialah keupayaan alat tersebut untuk melaksanakan kerja penulisan dengan baiknya. Kebolehan perisian untuk mengubah sesuatu penulisan dengan cepatnya dan senangnya mendorong pelajar untuk melaksanakan tugas penyemakan dengan lebih kerap. Kajian ini diusahakan untuk meninjau tahap kemahiran dan persepsi pelajar terhadap penggunaan komputer dalam penghasilan tugas mereka. Selama ini, pensyarah hanya menerima tugas yang diserahkan oleh pelajar tanpa mengetahui proses penghasilan tugas tersebut.

Kajian ini akan dapat menjelaskan cara proses penulisan pelajar berlaku. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran yang tinggi dalam empat perisian aplikasi, iaitu pemprosesan perkataan, mel elektronik, internet dan grafik serta persembahan. Hal ini berlaku kerana pelajar banyak menggunakan pemprosesan perkataan untuk menghasilkan tugas mereka. Internet pula digunakan oleh pelajar dalam pencarian bahan rujukan di samping bahan grafik.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa satu daripada cara untuk melestarikan penggunaan bahasa, seperti bahasa Melayu di negara ini, ialah kebijaksanaan kita untuk mengambil kesempatan bagi menerapkan kepentingan penggunaan maya kerana dunia peranti yang lebih canggih sudah menerobos dunia kehidupan kita. Walau bagaimanapun, pihak tertentu, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, masih berperanan untuk memastikan penggunaan bahasa itu betul dan baik. 